



IKLAN JAWATAN KOSONG PEMANDU KENDERAAN H11

INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH

1. (a) Jawatan: : Pemandu Kenderaan
(b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Hospital Universiti Sains Malaysia
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran (H)
(d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pelaksana
(e) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan PMR/SRP
(f) Gred : H11

2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
H11	1,218.00	2,939.00	80.00

- Imbuan Tetap : Khidmat Awam : RM 95.00
Perumahan : RM 300.00

3. Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Kelayakan Lantikan Ke Gred H11 :
- : (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
 - : (ii) lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - : (iii) berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
- Gaji permulaan : Gred H11 Lesen D : RM1,264.15
Gred H11 Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
Gred H11 Lesen F/H : RM1,356.45
Gred H11 Lesen G/I : RM1,402.60

Syarat Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap/ Kontrak

5. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pemandu Kenderaan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Kemahiran Gred H19 atau Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan

6. Ringkasan Tugas : **Umum**

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, dumper, roller dan traktor pertanian.

Khusus

Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Keutamaan akan diberikan kepada staf tetap/kontrak yang sedang berkhidmat di Universiti Sains Malaysia/ Hospital Universiti Sains Malaysia.

PENDAFTAR